

12/03/2003

Mutu bahas ukuran jadi calon pilihan raya

Salina Abdullah; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menolak kemungkinan menjadikan prestasi dan mutu perbahasan Ahli Parlimen di Parlimen sebagai ukuran dalam menentukan peluang mereka untuk dicalonkan dalam pilihan raya akan datang.

Pemangku Perdana Menteri berkata, walaupun kriteria itu tidak akan dijadikan ukuran utama, ia digunakan bagi menentukan keupayaan dan kesesuaian Ahli Parlimen sebagai calon.

Beliau berkata, prestasi dan mutu perbahasan seseorang Ahli Parlimen itu mencerminkan keupayaan dan kewibawaan mereka menunaikan tanggungjawab mereka sebagai wakil rakyat.

"Oleh itu, selain memperjuangkan kebajikan rakyat, Ahli Parlimen perlu berusaha meningkatkan mutu perbahasan mereka. Ahli Parlimen perlu memperbaiki kandungan, isi perbahasan mereka. Apa yang hendak disampaikan?

Apa yang hendak diperjuangkan?

"Untuk ini, Ahli Parlimen perlu mendapatkan seberapa banyak maklumat, sama ada daripada pembacaan mahu pun perbincangan dengan pihak pentadbiran, seperti menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen selain 'turun padang' dan mendengar masalah rakyat di peringkat akar umbi," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, kriteria itu tidak akan dijadikan ukuran utama bagi memberi peluang kepada bukan Ahli Parlimen untuk turut dinamakan sebagai calon kerajaan dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata demikian dalam temubual bersama sidang pengarang buletin terbitan Kelab Penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia (BBC), BackBenchers, yang diedarkan kepada Ahli Parlimen pada sidang Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau juga bersetuju dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Ahli Parlimen menguasai bahasa Inggeris bagi meningkatkan keberkesanan peranan mereka kepada masyarakat dan negara.

Katanya, kemahiran dan penguasaan dalam bahasa Inggeris membantu Ahli Parlimen memperluaskan sumber bacaan untuk mendapatkan maklumat.

"Saya amat bersetuju dengan saranan Perdana Menteri ini. Sejajar dasar kerajaan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat menerusi pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa itu, usaha serupa juga harus dilaksanakan di peringkat pemimpin.

"Pada saya, penguasaan dalam apa jua bahasa selain bahasa Kebangsaan dan Inggeris akan membantu Ahli Parlimen juga rakyat untuk menjadi lebih berilmu.

Penguasaan bahasa Inggeris dan juga bahasa lain bukan bermakna kita menidakkan bahasa Kebangsaan atau tidak patriotik dari segi bahasa,"

katanya.

Mengulas mengenai segelintir Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang yang bersikap kebudak-budakan pada persidangan Parlimen, Abdullah berkata, Ahli Parlimen terbabit perlu sedar perbuatan tidak elok itu hanya akan memalukan mereka, lebih-lebih lagi apabila ada pelawat mengikuti persidangan berkenaan.

Beliau berkata, persidangan Dewan Rakyat, termasuk perbincangan dilakukan secara terbuka dan boleh diikuti orang ramai, termasuk wakil akhbar, pegawai kerajaan dan pelawat.

"Adalah memalukan jika ketidakmatangan dan sikap kebudak-budakan mereka ini dilaporkan di akhbar.

Malah, orang ramai yang hadir ketika sesi berlangsung juga boleh mengukur prestasi wakil rakyat ini dan 'membawa cerita' sesudah sesi selesai. Mereka akan balik bercerita, Ahli Parlimen itu bagus, Ahli Parlimen ini tak bagus.

"Ini semua meninggalkan kesan kepada rakyat dan mereka akan berfikir adakah mereka membuat keputusan tepat memilih wakil rakyat berkenaan atau pilihan mereka itu sekadar 'menghabiskan duit rakyat' dan 'membuang masa' di Parlimen," katanya.

Ditanya sama ada Ahli Parlimen perlu dikenakan tindakan tegas jika tidak hadir di Parlimen, Abdullah berkata, keadaan ketika ini bertambah baik dan berharap isu itu tidak akan timbul lagi.

Mengenai pembangkang yang dikatakan tidak rasional dan hanya tahu membangkang segala usaha kerajaan, beliau berkata, Ahli Parlimen pembangkang seharusnya bersikap lebih terbuka dan rasional dengan menyokong usaha kerajaan jika ia terbukti membawa kebaikan kepada rakyat.